

Hujan di lima negeri punca banjir

KUALA LUMPUR - Hujan sekejap-sekejap dan kadang kala sederhana di Kelantan dan Terengganu dijangka berterusan sehingga hari ini dan boleh menyebabkan banjir di kawasan rendah.

Keadaan itu dijangka berlaku di Tumpat, Pasir Mas, Kota Bharu, Bachok, Pasir Puteh, Machang, Tanah Merah, Kuala Krai, Jeli dan Gua Musang di Kelantan serta di Besut, Setiu, Kuala Terengganu, Marang, Hulu Terengganu, Dungun dan

Kemaman di Terengganu.

Menurut Jabatan Meteorologi Malaysia semalam, keadaan itu juga diramal berlaku di daerah Kuantan, Pekan, Jerantut, Maran, Bera dan Rompin di Pahang.

Selain itu, hujan di daerah Padang Besar, Kangar dan Arau di Perlis dan Kubang Pasu, Padang Terap, Kota Setar, Pokok Sena, Pendang dan Langkawi di Kedah pula dijangka berterusan sehingga malam ini. - Bernama

Bilik gerakan banjir

KUALA LUMPUR - Pemuda Pas Pusat membuka bilik gerakan banjir di seluruh negara bagi menghadapi banjir kelak.

Setiausahanya, Khairul Faizi Ahmad Kamil berkata, sukarelawan untuk membantu pasukan penyelamat akan bertugas sepanjang musim banjir.

Empat terkorban banjir di Kelantan

KOTA BHARU - Banjir hari kedua di Kelantan semalam mengorbankan empat nyawa, dua darinya pasangan adik-beradik yang lemas dalam tragedi di tiga lokasi berasingan.

Mohd Arif Hukmi, 10 dan Mohd Fathi Asyraf, 14, maut setelah lemas di tali air di Kampung Tualang Salak, Bachok manakala pelajar tahfiz Mohd Raihan Hasnan, 15, dikhuatiri lemas di tali air Lubuk Tapah Pasir Mas.

Mayat mangsa keempat, seorang kanak-kanak, Shahrul Aiman Mohd Ridzuan, dua tahun 11 bulan, ditemui ibunya setelah bermain di gigi air tepi rumah mereka di Cabang Tiga, Rantau Panjang, 6.55 petang semalam.

Mangsa disahkan meninggal dunia setelah dihantar ke Klinik Kesihatan Rantau Panjang kira-kira setengah jam kemudian.

Di Bachok, Suriani Dollah, 37, pengsan



Suriani ditenangkan ahli keluarganya.

sejurus dua anak lelakinya yang lemas itu dijumpai oleh pasukan penyelamat, semalam.

Ibu tersebut tidak dapat menahan se-

bak dan pengsan selepas melihat mayat anak sulungnya, Mohd Fathi Asyraf, 14, manakala Mohd Arif Hukmi, 10, ditemui lima minit kemudian di lokasi yang sama.

Suaminya, Ruslan Ab Ghani, 46, berkata, dia tidak menyangka, hasrat anaknya yang tiba-tiba ingin menggunakan selimut milik arwah datuknya, Abdul Ghani, menandakan mereka juga ingin pergi meninggalkan keluarga.

Menurutnya, anak sulungnya, Mohd Fathi Asyraf, 14, amat rapat dengan arwah datuknya sejak kecil.

"Dua tiga malam lepas, dia minta selimut arwah datuknya. Mulanya pelik juga, tetapi kini baru saya sedar ia petanda bahawa dia ingin pergi meninggalkan kami.

"Mohd Fathi juga kelihatan rapat dengan adik ketiganya, Mohd Arif Hukmi, 10, akhir-akhir ini, sedangkan sebelum ini mereka jarang dilihat bersama," katanya.